

# Kebenaran Debit Kad Kredit

**UNTUK DILENGKAPKAN OLEH PEMEGANG KAD KREDIT**
**No. Pendaftaran ZLIMB:** \_\_\_\_\_

 Kepada: **Zurich Life Insurance Malaysia Berhad**

Saya dengan ini memohon dan membenarkan anda untuk mencajkan dan mendebitkan akaun kad kredit yang dinyatakan di bawah untuk premium bagi polisi hayat yang berikut.

**Butiran Pemegang Kad**

Nama \_\_\_\_\_

No. K.P. \_\_\_\_\_

No. Kad \_\_\_\_\_

Tarikh Luput \_\_\_\_\_

Bank Pengeluar Kad \_\_\_\_\_

 Master\*     Visa\*    \*Sila tandakan yang berkenaan

**1 Arahan Premium**

<b>Premium Tunggal</b>  <input type="checkbox"/>	Saya membenarkan ZURICH LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD untuk mencajkan kad kredit saya untuk premium tunggal bagi polisi hayat yang dinyatakan di bawah. Saya bertanggungjawab untuk menjelaskan premium bagi sebarang pembaharuan selanjutnya. Nota: Premium tunggal menggunakan kad kredit adalah sehingga RM50,000.00 sahaja.
<b>Premium Berulang</b>  <input type="checkbox"/>	Saya membenarkan ZURICH LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD untuk mencajkan kad kredit saya untuk jumlah premium yang dimaklumkan oleh ZURICH LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD dari masa ke masa untuk polisi hayat yang dinyatakan di bawah. Saya faham bahawa semua premium pembaharuan akan dicajkan secara automatik melalui kad kredit saya sehingga notis selanjutnya. Jika terdapat sebarang premium yang tertunggak, saya faham bahawa ZURICH LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD akan melaksanakan sehingga dua (2) potongan yang berjaya setiap bulan berdasarkan mod premium polisi sehingga premium selesai dibuat.

No Permohonan/Polisi	Nama Pemegang Polisi	Hubungan dengan Pemegang Kad	Jumlah Premium

**Notis Penting**

- Kemudahan ini terhad kepada polisi pasangan, anak, ibu bapa/ibu bapa mertua, abang/kakak/adik pemegang kad dan polisi beliau sahaja.
- Sekiranya pembayaran adalah untuk pihak ketiga, adalah perlu untuk melengkapkan Borang Butiran Pembayar (Payor Details Form) untuk sebarang jumlah pembayaran yang perlu diserahkan bersama-sama dengan borang CCDA ini.
- Sila gunakan borang baharu jika anda mempunyai lebih daripada 5 polisi .
- Wajib menyertakan satu salinan kad kredit (bahagian depan sahaja) untuk premium tunggal.

Saya faham sepenuhnya dan bersetuju bahawa kebenaran ini tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di halaman seterusnya.

Saya dengan ini memberikan kebenaran tanpa syarat dan tanpa keraguan kepada pihak syarikat dan semua syarikat bersekutunya untuk memproses data peribadi saya yang didedahkan di sini. Pihak syarikat bebas untuk memproses data dan berkongsi maklumat yang didedahkan dengan mana-mana penyedia perkhidmatan dan syarikat bersekutunya dengan syarat bahawa pendedahan data peribadi saya adalah bertujuan dan berkaitan dengan polisi hayat yang telah saya mohon di sini. Kebenaran yang diberikan ini selaras dengan peruntukan yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Tandatangan Pemegang Kad	
Alamat	_____
	_____
No. Tel	_____
Emel	_____
Tarikh	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>

#### Arahan

1. Sila baca maklumat yang terkandung di dalam borang ini sebelum anda menandatangani borang permohonan. Zurich Life Insurance Malaysia Berhad mempunyai budi bicara untuk menerima atau menolak permohonan ini tanpa perlu memberikan sebab untuk berbuat demikian.
2. Borang permohonan mesti diserahkan kepada Zurich Life Insurance Malaysia Berhad sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh pemotongan pertama. Semua premium yang tertunggak sehingga tarikh pemotongan pertama mesti dibuat sepenuhnya sebelum borang permohonan ini dihantar.
3. Jika anda ingin menggunakan akaun kad kredit yang berbeza untuk membuat premium bagi polisi yang berbeza, borang permohonan berasingan diperlukan untuk setiap akaun kad kredit.
4. Sila hantarkan Borang Kebenaran Debit Kad Kredit ini ke cawangan Zurich Life Insurance Malaysia Berhad yang terdekat.
5. Terma dan Syarat yang dilampirkan adalah sebahagian penting daripada permohonan ini.

#### Terma & Syarat

1. Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua urusan niaga yang dilaksanakan daripada penggunaan kad kredit ini untuk menjelaskan premium bagi polisi yang dinyatakan.
2. Zurich Life Insurance Malaysia Berhad tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang berpunca daripada pemprosesan debit sama ada berjaya atau tidak berjaya akibat daripada kelebihan had kredit, kerosakan sistem, punca elektrik terputus dan/ atau sebarang faktor lain di luar kawalan Zurich Life Insurance Malaysia Berhad.
3. Zurich Life Insurance Malaysia Berhad hanya bertanggungjawab untuk mengatur keperluan debit akaun kad kredit saya menerusi Pusat Kad seperti yang diarahkan oleh saya. Saya mengakui dan bersetuju bahawa perkhidmatan Kebenaran Debit Kad Kredit yang disediakan oleh Zurich Life Insurance Malaysia Berhad adalah semata-mata untuk kemudahan dan manfaat saya. Oleh yang demikian, sebarang masalah atau pertikaian yang timbul daripada pemprosesan/ pendebitan, adalah tanggungjawab saya untuk menyelesaikannya dengan syarikat kad kredit saya (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang masalah disebabkan oleh kerosakan atau gangguan mekanikal sistem komputer atau peralatan syarikat kad kredit).
4. Saya dengan ini bersetuju untuk bersama-sama dan secara berasingan melindungi sepenuhnya pihak syarikat atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Zurich Life Insurance Malaysia Berhad yang timbul daripada kebenaran saya untuk mendebitkan akaun kad kredit saya seperti yang dinyatakan.
5. Premium dianggap telah dijelaskan hanya selepas pemprosesan debit oleh syarikat kad kredit adalah berjaya dan premium telah diterima sepenuhnya oleh Zurich Life Insurance Malaysia Berhad.
6. Saya akan memastikan bahawa Zurich Life Insurance Malaysia Berhad dimaklumkan secara bertulis atas sebarang perubahan, kehilangan, penggantian kad kredit atau pembatalan arahan ini sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh akhir premium seterusnya. Perubahan atau pembatalan tersebut akan berkuat kuasa hanya setelah Zurich Life Insurance Malaysia Berhad menerima pemberitahuan tersebut dengan sewajarnya.
7. Zurich Life Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menamatkan perkhidmatan Kebenaran Debit Kad Kredit ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang sebab dengan menyediakan notis secara bertulis kepada Pemegang Polisi .
8. **Pindaan** – Jika jumlah premium untuk polisi di atas diubah atas apa jua sebab, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad dibenarkan untuk menukar jumlah yang dicaj atau didebitkan daripada kad kredit di atas dengan sewajarnya tidak kira sama ada Pemegang Kad Kredit adalah Pemegang Polisi dan tidak kira sama ada Pemegang Kad Kredit menerima notis perubahan jumlah premium.
9. **Pembatalan** – Untuk menghentikan dan menamatkan perkhidmatan Kebenaran Debit Kad Kredit, Pemegang Polisi atau Pemegang Kad Kredit mesti memaklumkan Zurich Life Insurance Malaysia Berhad secara bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh pemotongan bagi premium yang seterusnya.
10. **Resit** – Resit tidak akan dikeluarkan bagi premium berulang yang dijelaskan menerusi perkhidmatan Kebenaran Debit Kad Kredit. Saya akan merujuk kepada penyata kad kredit saya untuk pengesahan premium yang telah dibuat.
11. Zurich Life Insurance Malaysia Berhad akan memotong jumlah penuh untuk premium. Tiada potongan secara sebahagian daripada jumlah penuh akan dibuat dalam apa jua keadaan.
12. Sekiranya wang yang dicaj atau didebitkan daripada akaun kad kredit boleh dipulangkan oleh Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atas apa jua sebab, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad dibenarkan untuk membayar balik jumlah tersebut sama ada kepada Pemegang Polisi atau Pemegang Kad Kredit dan seterusnya dilepaskan sepenuhnya daripada semua kewajipan berkaitan dengan perkara tersebut. Sekiranya sebarang pertikaian atau isu timbul berkaitan dengan sebarang pembayaran atau pemulangan wang yang dibayar berasaskan kebenaran ini, Pemegang Polisi dan Pemegang Kad Kredit hendaklah merujuk kepada satu sama lain untuk keputusan dan penyelesaian.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad  
No Pendaftaran 196801000442 (8029-A)  
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

## **Deklarasi Perlindungan Data Peribadi**

*Saya/Kami memahami dan bersetuju bahawa dengan mendaftar untuk mana-mana produk yang ditawarkan oleh Zurich Life Insurance Malaysia Berhad ("Syarikat"), berinteraksi dengan Syarikat dan mengemukakan maklumat saya/kami kepada Syarikat, saya/kami telah bersetuju dengan pengumpulan, pemrosesan, penggunaan dan perkongsian data peribadi saya/kami termasuk data peribadi sensitif saya/kami oleh dan untuk Syarikat.*

I/We understand and agree that by signing up for any products offered by Zurich Life Insurance Malaysia Berhad ("the Company"), interacting with the Company and submitting my/our information to the Company, I/we have consented on the collection, processing, using and sharing of my/our personal data including my/our sensitive personal data by and for the Company.

*Saya/Kami memahami dan bersetuju bahawa data peribadi yang diberikan boleh digunakan, diproses dan didedahkan oleh Syarikat kepada individu/organisasi yang berkaitan dengan Syarikat atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik (di dalam atau di luar Malaysia, termasuk insurans semula, syarikat penyasatan berkenaan tuntutan dan persatuan industri dan persekutuan) untuk tujuan yang diperlukan bagi memproses permohonan ini dan menyediakan perkhidmatan selanjutnya untuk produk ini dan/atau berkomunikasi dengan saya/kami untuk tujuan tersebut; seperti dinyatakan dalam Notis Perlindungan Data Peribadi Syarikat yang dipaparkan di <https://www.zurich.com.my/en/customer-hub/show-me-more-info/personal-data-protection-notice>.*

I/We understand and agree that the personal data provided may be used, processed and disclosed by the Company to individuals/organization related to and associated with the Company or any appointed third party (within or outside of Malaysia, including reinsurance, claims investigation companies and industry associations and federations) for the obligatory purposes of processing this application and providing subsequent service for this product and/or communicate with me/us for such purposes; as described in the Company's Personal Data Protection Notice published at <https://www.zurich.com.my/en/customer-hub/show-me-more-info/personal-dataprotection-notice>.

*Saya/Kami memahami bahawa saya/kami mempunyai hak untuk mengakses, mengemaskini, mengubah atau memilih untuk tidak berkongsi data peribadi saya/kami yang disimpan oleh Syarikat mengenai saya/kami. Permintaan tersebut boleh dibuat dengan melengkapkan borang yang boleh dimuat turun di laman web Syarikat atau secara bertulis di cawangan Syarikat yang terdekat.*

I/We understand that I/we have the right to access, update, change or opt-out my/our personal data held by the Company concerning me/us. Such requests can be made through forms which can be downloaded at the Company's website or in writing at the Company's nearest branches.

*Saya/Kami memahami bahawa pertanyaan atau aduan (seperti mengehadkan pemrosesan maklumat tertentu, termasuk penarikan balik persetujuan untuk menerima maklumat pemasaran) boleh dibuat dengan menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan Syarikat di 1-300-888-622, atau dengan melawat/menulis kepada Syarikat di [CallCentre@zurich.com.my](mailto:CallCentre@zurich.com.my).*

I/We understand that inquiries or complaints (such as limiting the processing of certain information, including the withdrawal of consent to receive marketing information) can be made by contacting the Company's Customer Care Officer at 1-300-888-622, or by visiting/writing to the Company at [CallCentre@zurich.com.my](mailto:CallCentre@zurich.com.my).

*Saya/Kami memahami bahawa Notis Perlindungan Data Peribadi Syarikat boleh dikemas kini dari semasa ke semasa selaras dengan keperluan yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Tatakelakuan Perlindungan Data Peribadi untuk Industri Insurans dan Notis Perlindungan Data Peribadi yang terkini adalah dipaparkan di laman web Syarikat.*

I/We understand that the Company's Personal Data Protection Notice may be updated from time to time in line with the requirement set forth in the Personal Data Protection Act 2010 and Personal Data Protection Code of Conduct for Insurance Industry and the updated Personal Data Protection Notice is being published at the Company's website.